

02/10/1998

Malaysia iktiraf pasaran terbuka

reports on "Dewan Negara" by Shamshul Azree Samshir  
KUALA LUMPUR, Khamis - Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar, mengingatkan semua pihak supaya jangan memberi isyarat salah kepada dunia luar berhubung dasar pemulihan ekonomi negara, terutama mengenai kawalan pengaliran ringgit dan pasaran saham.

Beliau berkata, pelaksanaan dasar itu bukan bertujuan mengetepikan sistem ekonomi kapitalisme atau pasaran terbuka, malah negara masih bergantung kepada pelaburan asing.

"Seperti yang dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semua langkah pemulihan yang digariskan bukan bersifat kawalan modal, tetapi lebih kepada kawalan tukaran," katanya.

Beliau menjelaskan demikian ketika menggulung perbincangan rang undang-undang Akta Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998 pada Sidang Khas Dewan Negara di sini, hari ini.

Dr Affifuddin berkata, Malaysia tidak mungkin menolak konsep pasaran terbuka kerana sejak lebih 20 tahun lalu, ekonomi negara digerakkan melalui perdagangan luar.

"Apa yang dilakukan ialah meminda semua akta yang berhubung kait dengan tujuan menahan atau menyekat lebih kapitalisme daripada merosakkan kita.

"Kebebasan yang diberi akan merosakkan jika seseorang tidak mengerti bagaimana mahu menggunakan kebebasan itu.

"Begitu juga kebebasan dalam pasaran, kita mahu kurangkan kerakusan kumpulan dalam pasaran daripada menggunakan sumber yang ada daripada terus memonopoli sumber serta pasaran," katanya.

Beliau berkata, semua pihak sepatutnya menghantar isyarat yang betul kepada dunia luar berhubung langkah pemulihan ekonomi serta hakikat bahawa negara masih memerlukan pelaburan antarabangsa.

"Malaysia adalah negara tunggal di dunia yang mempunyai nisbah perdagangan luar paling tinggi apabila diukur dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Perdagangan luar Malaysia mencapai 170 peratus daripada KDNK berbanding negara lain yang mencapai kadar paling tinggi 90 peratus, sekali gus menjadikan Malaysia negara yang mempunyai nisbah perdagangan luar tertinggi," katanya.

Menjawab soalan Senator Abdul Aziz Abdul Rahman, Dr Affifuddin berkata, cadangan menubuhkan Dana Asia terpaksa ditangguhkan berikutan bantahan Amerika Syarikat.

"Agak sukar kita meneruskan cadangan itu tanpa Jepun yang sedia menawarkan RM100 juta kepada dana itu.

"Jika kita mahu melakukannya, kita berhadapan dengan pelbagai risiko dan lebih elok menunggu sehingga Jepun mempunyai kesungguhan politik," katanya.

Menjawab soalan lain, beliau berkata, prestasi Kuala Lumpur Option and Financial Futures Exchange (Kloffe) amat membanggakan berdasarkan purata perdagangan yang dicapai dalam tempoh sehari.

"Apabila Kloffe ditubuhkan dulu, purata perdagangan yang dicapai hanya 150 hingga 230 kontrak sehari. Tetapi Ogos lalu, angka berkenaan meningkat 4,646 kontrak sehari atau 92,927 kontrak sebulan.

"Ia dianggap kemajuan yang menggalakkan, walaupun kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi sejak lebih setahun lalu," katanya.

Ketika ditemui di lobi Dewan Negara, Dr Affifuddin berkata, langkah pemulihan ekonomi negara mula memberi kesan positif kepada pelbagai pihak

termasuk peniaga.

"Pedagang sudah mampu membuat perancangan betul, bursa saham stabil perlahan-lahan dan peniaga memperolehi kredit yang banyak dengan kos rendah apabila kecairan dalam sistem perbankan meningkat," katanya.

(END)